

Islam dan Umat Islam

Badan-badan Melayu dan Islam memutuskan :

“Undang-undang Pentadbiran Hukum Islam” bertentang Dengan Hukum Syarak

Mereka menuntut supaya ditarik balik untuk disemak oleh alim-ulama.

Kira-kira seratus buah pertubuhan-pertubuhan Melayu dan Islam di Singapura termasuk alim ulama dari Majlis Penasihat Islam dan lain-lain alim ulama dengan sebulat suara telah memutuskan: Menuntut kerajaan Singapura menarik balik “Undang Pentadbiran Hukum Islam 1960” untuk disemak dan dikaji semasaki-masaknya, kerana banyak fasal-fasal di dalamnya bertentangan dengan hukum syarak.

Persidangan itu yang dianjurkan oleh Persatuan Islam Se-Tanah Melayu cabang Singapura, telah berlangsung di Dewan Pusat Kebudayaan, Canning Rise, pada 15 April 1961 yang lalu.

Persidangan yang bersejarah itu telah dihadiri dan bahayanya.

juga oleh lima orang anggota Dewan Perhimpunan Misalnya, kata beliau lagi, apakah faedah yang akan Undangan dari pihak pembangkang dan pihak kerajaan. didapati oleh kita kalau undang-undang ini dijalankan? Atau

Dalam ucapan pembukaan persidangan, Yang di-Pertua kalau undang-undang ini tidak dijalankan adakah keadaan PAS Singapura, Ustaz Taha Suhaimi telah meminta sekalian orang-orang Islam Singapura akan lebih buruk daripada hadirin memberikan pendapat dengan secara tenang dan orang-orang Islam di negeri lain?

hadirin memberikan pendapat dengan secara tenang dan tenteram. “Kita sedia mengetahui.” Kata beliau lagi, “bahawa dasar Islam ialah membela yang hak dan menegur

Kuasa Yang di-Pertuan Negara

yang salah. Kalau kita diamkan perkara yang salah, Wakil yang mula-mula tampil memberikan pendapat bermakna kita mengkhianati agama Islam.”

pertubuhan yang diwakilinya ialah Ustaz Yusof

Persidangan itu telah dipengerusikan oleh Kiyai Abdul Rahman (dari Badan Agama Pulau Bukom). Beliau Muhammad Fadhlullah Suhaimi. Beliau telah menarik perhatian dengan tegas menolak undang-undang yang hendak hadirin dengan meminta supaya perkara Undang-undang Pentadbiran dikuatkuasakan itu, kerana katanya :

Hukum Islam itu difikirkkan dengan cermat akan faedahnya (1) Rang Undang-undang yang tersebut pada umumnya



Suatu pemandangan dalam persidangan kira-kira 100 badan-badan Melayu dan Islam Singapura. Dalam gambar kelihatan Ustaz Yusof Abdul Rahman sedang membidas kerajaan kerana mengeluarkan terjemahan Rang Undang-undang itu dalam Bahasa Melayu dengan tidak bertanggungjawabkan. Duduk di tengah-tengah ialah Faḍīlah al-Ustādh Kiyai Muhammad Fadhlullah Suhaimi, Pengerusi.

bertentangan dengan hukum syarak.

Singapura belum tentu apa agama rasminya?

(2) Kerajaan – sebagaimana yang tercatit dalam

Pendapat Persatuan Guru-guru Agama

naskhah Rang Undang-undang itu – tidak bertanggungjawab

PERGAS atau Persatuan Guru-guru Agama

akan terjemahannya dalam Bahasa Melayu yang telah diedarkan

Singapura, yang diwakili oleh setiausaha A. Abu Samah

kepada orang ramai untuk dikaji dan memberikan fikiran

dan Ustaz Hashim Johar, tak dapat memberi kata pemutus,

masing-masing.

(3) Kuasa melantik ahli-ahli Majlis Islam

kerana katanya, PERGAS belum selesai mengkajinya dan

terletak di tangan Yang di-Pertuan Negara. Padahal jawatan

kerana itu PERGAS meminta supaya undang-undang itu

Yang di-Pertuan Negara tidak kekal dan belum tentu akan

ditangguhkan.

sentiasa dipegang oleh orang Islam.

Muhammadiyyah Juga Belum Selesai Mengkajinya

Sementara pula, kata Imam Yusof lagi,

Ustaz Manaf Salam, wakil Muhammadiyyah berkata, bahawa

Muhammadiyyah tidak menyokong dan tidak pula menolak “kerana kami belum selesai mengkajinya.”

Dalam pada itu, kata wakil Muhammadiyyah lagi, setakat yang telah dikaji memang ada beberapa fasal dalam Rang Undang-undang itu yang bertentang dengan hukum syarak.

Dari Muslimin Pakistan

Tuan M. Khan dan M. Majid dari badan-badan kebijakan Islam Pakistan telah juga menolak Rang Undang-undang itu kerana – kata mereka – bertentang dengan hukum syarak.

Tuan Majid bertanya: Adakah agama Islam kurang hukum dari Quran dan hadis?

“Rang Undang-undang ini – katanya – lebih baik disimpan sahaja dalam peti sejuk!”

Tidak Rela Menyerahkan Kuasa Kepada Pemerintah

Kerajaan telah dibidas oleh beberapa orang wakil kerana sikapnya mengeluarkan terjemahan naskhah undang-undang itu yang tidak terjamin salah benarnya dan tidak dipertanggungjawabkan, serta tidak pula menyerahkannya lebih dahulu kepada alim ulama untuk mengkajinya dengan teliti.

Kapten Said dan A. Mohamed Ya’acob (bekas Setiausaha Muhammadiyyah) telah menolak undang-undang, kerana kata mereka bertentangan dengan hukum syarak.

“Kuasa hukum Islam selama ini berada di tangan kita, suakah tuan-tuan menyerahkannya kepada pemerintah yang bukan Islam? Kata bekas setiausaha Muhammadiyyah lagi.

A. Ya’acob Mohamed Menjawab

Selepas bekas setiausaha Muhammadiyyah memberikan pendapatnya, maka A. Ya’acob Mohamed, Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan telah bangun menjawab kecaman-kecaman tadi sambil menyatakan bahawa kedatangannya ke persidangan itu ialah sebagai seorang pemerhati.

Beliau telah meminta supaya wakil-wakil yang hadir membahasnya dengan tidak menggunakan sentimen dan terangkan tentang mana undang-undang itu yang dikatakan menyalahi hukum syarak.

Sekiranya Rang Undang-undang itu ditolak mentah-mentah maka bermakna sebahagian daripada undang-undang yang sedang berjalan sekarang – termasuk Mahkamah Syariah – akan dihapuskan – kata beliau.

Rang Undang-undang itu, katanya, adalah diambil daripada undang-undang pentadbiran Islam negeri-negeri Selangor, Pahang dan Pulau Pinang.

Akhirnya beliau berjanji: Sekiranya persidangan ini berpendapat bahawa ada bahagian-bahagian atau fasal yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini yang bertentangan dengan hukum syarak maka kami (anggota-anggota Islam dari pihak kerajaan) sedia mendesak kerajaan untuk menghapuskannya.

Soal Masjid dan Syaran

Kemudian Datuk Abdul Hamid Bin Haji Jumat tampil memberikan pendapatnya bahawa beliau tidak bersetuju siapa-siapa menggunakan sentimen dalam membahaskan Rang Undang-undang tersebut. Tetapi, kata Datuk Abdul Hamid, mereka berhak menolaknya kerana mereka berpendapat bahawa Rang Undang-undang tersebut bertentangan dengan hukum Islam.

Sebagai contoh beliau menyebut tentang sekatan-sekatan

yang dikenakan terhadap masjid-masjid dan pensyarah-pensyarah agama.

Sedang hal yang seperti ini hanya berlaku dalam negara-negara Rusia dan Komunis China!

Yang peliknya – kata beliau lagi, Rang Undang-undang ini dihebahkan bahawa Majlis Penasihat Islam telah meluluskannya, tetapi bila saya bertanya kepada ahli-ahli agama kita di majlis itu mereka mengatakan tidak meluluskannya!

Akhirnya beliau meminta supaya Rang Undang-undang itu diserahkan kepada alim ulama untuk mengkajinya dengan teliti.

Disemak Hanya Dalam Masa 3 Jam

Wakil Ikhwan, Tuan Syed Abdullah al-Edrus, telah tampil menegaskan bahawa banyak perkara-perkara dalam Rang Undang-undang itu yang bertentangan dengan hukum Islam tetapi bukan di sini tempatnya untuk dibahaskan satu-persatu. Oleh itu serahkanlah sahaja kepada ahlinya iaitu alim ulama untuk mengkajinya dengan teliti.

Sepanjang yang diketahui kata beliau, Rang Undang-undang ini tidak diluluskan oleh ahli-ahli Majlis Penasihat Islam, hanya dibaca sekali lalu dalam masa tiga jam dengan tidak membuat sebarang keputusan.

UMNO Selatan Menolak Bulat-bulat

Wakil UMNO Selatan, A. Ismail Bakar, meminta supaya Rang Undang-undang itu ditolak bulat-bulat, kerana tujuannya semata-mata hendak mengabui dan menutup mata umat Islam Singapura.

Beliau telah menguatkan hujahnya dengan berkata :

(1) Terjemahannya dalam Bahasa Melayu tidak

dipertanggungjawabkan oleh kerajaan – menurut yang tercatit di dalamnya.

(2) Tempat murajaahnya ialah buku-buku terjemahan dalam Bahasa Inggeris – bukan Quran dan hadis.

Fatwa-fatwanya Berdasarkan Suara Ramai

Wakil Persatuan Islam, Pasir Panjang, A. Rozis, telah juga menolak bulat-bulat selagi kuasa melantik dipegang oleh Yang di-Pertuan Negara, terjemahannya ke bahasa Melayu tidak dipertanggungjawabkan oleh pemerintah, dan fatwa-fatwa Majlis Islam yang akan terbentuk kelak berdasarkan suara ramai, sedang kuasa suara ramai itu bukan menurut dasar Islam.

Agama Kami Jangan Dijajah

Tuan Syed Ali al-Attas, menegaskan: Agama kami janganlah pula hendak dijajah .

Kerajaan – kata beliau – nampaknya suka hendak menjaga zakat kerana ada hasilnya, tetapi kerajaan tidak pula teringat mengadakan undang-undang untuk menangkap orang-orang yang tidak puasa, kerana itu merugikan.

Beliau meminta supaya Rang Undang-undang itu dikaji dengan teliti oleh alim ulama.

Pendapat PAS Singapura

Wakil PAS Singapura, Tuan Syed Ahmad Dahlan, menegaskan bahawa PAS Singapura berpendapat bahawa 75 peratus Rang Undang-undang ini bertentangan dengan Islam. Oleh itu Rang Undang-undang itu hendaklah ditarik balik untuk dikaji oleh alim ulama.

Sambungannya pada muka 37

Persidangan Umat Islam Singapura

Sambungan dari muka 13

PAS – katanya lagi – memang suka kepada satu undang-undang yang mentadbirkan hukum Islam, tetapi biarlah bersesuaian dengan hukum Islam.

Pendapat Kiyai Fadhlullah

Setelah dibenarkan oleh persidangan supaya beliau memberikan pendapatnya untuk menjadi panduan kepada hadirin, penggerusi majlis Tuan Fadhlullah Suhaimi pun memberikan fikiran-fikirannya, kesimpulannya seperti berikut :

(1) Rang Undang-undang ini bukan semuanya buruk

dan bukan pula semuanya berfaedah.

(2) Ahli-ahli Majlis Penasihat Islam sepatutnya

membahasnya selama setahun bukan selama 3 jam seperti yang telah dilakukan.

(3) Ahli-ahli Majlis Penasihat Islam hendaklah

dipilih oleh badan-badan Islam.

Sedang ahli-ahli Majlis Penasihat Islam selama

ini hanya dipilih oleh kerajaan dan nampaknya ada

komplot-komplot: ahli-ahli agama sepihak, dan yang lain-lain ada pula pihak-pihaknya.

Keputusan Sebulat Suara

Akhirnya satu usul yang dikemukakan oleh wakil

Ikhwan, Syed Abdullah Al-Edrus telah diterima oleh persidangan itu dengan sebulat suara. Usul itu berbunyi demikian :

“Mendesak kerajaan supaya menarik balik Rang

Undang-undang Pentadbiran Hukum Islam 1960 dan kemudian menyerahkannya untuk dikaji dengan teliti oleh Majlis Penasihat Islam. Sebelum dikemukakan kembali kepada Dewan Perhimpunan Undangan, Rang Undang-undang itu hendaklah dijamin sudah disemak oleh alim ulama yang dilantik oleh jawatankuasa khas Majlis Islam Penasihat Kerajaan dengan menjemput beberapa orang alim ulama yang bukan ahli majlis itu, dan semua ahli-ahli Majlis Islam Penasihat Kerajaan telah berpuas hati dengannya.”

Persidangan itu telah melantik juga suatu

jawatankuasa lima orang yang diberi tugas untuk menyampaikan keputusan itu kepada Menteri Buruh dan Undang-undang, Tuan K.M. Byrne.

Telah diputuskan juga, sekiranya kerajaan

menolak tuntutan itu, maka satu persidangan lagi dari badan-badan Melayu dan Islam itu hendaklah dipanggil segera, untuk memutuskan apakah tindakan-tindakan lanjut yang akan diambil.

Jawatankuasa ini diberi nama “Jawatankuasa

Umat Islam Singapura” yang terdiri daripada Ustaz Syed Ahmad Dahlan, Kapten Said, A. Tahir Mahmud, A. Muhammad Yaakob dan Syeikh Abdullah Basmeh.

